

Headline	TNB belanja RM1 juta baiki rumah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	27
ArticleSize	52 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,033		



## TNB belanja RM1 juta baiki rumah

GUA MUSANG 30 Dis. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan membelanjakan wang zakat sebanyak RM1 juta bagi membaiki 20 rumah penduduk miskin di seluruh negara pada tahun depan.

Pengurus Besar (Bahagian Pembahagian) TNB Kelantan, Md. Yuslan Md Yusof berkata senarai nama bakal penerima program membaiki pulih rumah golongan asnaf itu akan dikenal pasti sebaik sahaja ia dilaksana.

"Program membaiki pulih rumah golongan asnaf itu juga ada dilaksanakan di Kelantan tahun ini membabitkan empat rumah, dan kini mereka dapat tinggal dalam suasana selesa," katanya pada majlis penyampaian sumbangan 'Kembali Ke Sekolah' di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Bendahara Jerek, Bertam hari ini.

Perasmian program itu disempurnakan Anggota Dewan Undangan Negeri Nenggiri Mat Yusoff Ab Ghani. - BERNAMA